

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 24 Jun 2021 12:26
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Hala Tuju Ingatkan Penyelidik Dan Perunding Geran IPIZ Jalankan Amanah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


24 JUN 2021 / 14 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Mohd Murshidi Mohd Noor
Gambar oleh: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ)

BENGKEL HALA TUJU INGATKAN PENYELIDIK DAN PERUNDING GERAN IPIZ JALANKAN AMANAH



UUM ONLINE: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) telah menganjurkan Bengkel Hala Tuju Kajian Penyelidikan dan Perundingan menerusi Webex, baru-baru ini bagi menerangkan kepada penyelidik dan perunding geran IPIZ berkaitan kajian yang dijalankan mereka.

Pengarah IPIZ, Prof. Madya Dr. Muhamad Noor Habibi Long berkata, bengkel itu bertujuan untuk mengingatkan penyelidik dan perunding geran IPIZ agar menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka serta melaksanakan kajian dengan sebaik mungkin.

Menurutnya, IPIZ sekadar menyediakan tema dan panduan untuk pelaksanaan penyelidikan dan perundingan zakat.

Katanya, terdapat dua objektif utama penyelidikan dan perundingan zakat iaitu pertama, memastikan bahawa sistem agihan zakat diperkemas bagi memudahkan bantuan sampai kepada golongan asnaf. Kedua, kajian yang dilakukan perlu difokuskan kepada memenuhi keperluan asasi asnaf untuk mereka keluar daripada kemiskinan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Agihan & Pembangunan Asnaf), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Azizul Rusmadi Abdul Rahman berkata, IPIZ merupakan rakan kongsi yang rapat dengan LZNK sejak dahulu lagi.

Menurutnya, LZNK telah melaksanakan sistem agihan secara wakalah kepada UUM yang diperuntukkan sebanyak 3/8, malah ketika fatwa berkaitan zakat pendapatan diputuskan di Kedah, UUM antara institusi besar yang memberikan komitmen tinggi untuk menunaikan zakat pendapatan menerusi potongan gaji staf.

Sehubungan itu, katanya, berasaskan kepada kutipan besar yang diperolehi melalui sistem potongan gaji di UUM, maka timbul idea ke arah mewujudkan satu institusi penyelidikan dan perundingan zakat di UUM dengan kerjasama LZNK bagi meningkatkan lagi mutu kutipan dan agihan zakat di bumi Kedah.

“Agihan zakat yang dilakukan di UUM terbahagi kepada dua iaitu pertama agihan kepada asnaf dan kedua agihan untuk tujuan penyelidikan.

“Setelah kewujudan IPIZ-LZNK, institusi ini banyak membantu LZNK dalam meningkatkan lagi kualiti pengurusan agihan dan kutipan zakat di Kedah,” katanya.

Manakala Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, usaha yang dijalankan penyelidik dan perunding geran IPIZ tidak hanya terhenti di dunia sahaja, malahan berlanjutan sehingga hari akhirat.

“Contohnya para sahabat yang mana seluruh kehidupan mereka ditumpukan kepada agama sahaja. Para penyelidik dan perunding geran IPIZ disarankan agar menghadiri satu sesi penerangan berkaitan tanggungjawab mereka untuk menyelesaikan kajian dalam tempoh yang sewajarnya.

“Penyelidikan mereka adalah berkaitan dengan ummah, justeru, tidak boleh terlewat daripada tempoh yang telah ditetapkan. Para penyelidik dan perunding zakat perlu peka dengan situasi semasa yang mana golongan asnaf fakir miskin sentiasa bertambah dari semasa ke semasa akibat fenomena global pandemik Covid-19, “ katanya.

Beliau berkata, penyelidik dan perunding geran IPIZ juga perlu jelas berkaitan dengan hala tuju mereka dalam kajian yang mana penyelidikan dan perundingan dilakukan bukan sekadar dalam bentuk pelaporan sahaja, malahan perlu berkesinambungan dengan tindakan yang sewajarnya untuk membangunkan asnaf dan seharusnya perlu turun padang untuk menyelami segala permasalahan yang dihadapi oleh asnaf dan mendapatkan cara penyelesaian yang terbaik untuk mengatasinya.

“Harapan saya agar semua penyelidik dan perunding dapat mengambil contoh Universiti Harvard yang begitu cemerlang dalam kajian mereka kerana penyelidikan yang dilakukan oleh mereka berkesinambungan dari satu generasi ke satu generasi,” katanya.

Bengkel Hala Tuju Penyelidikan dan Perundingan IPIZ turut dihadiri Dekan IBS, Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain; Pengarah RIMC, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf; Timbalan Pengarah RIMC, Prof. Madya Dr. Tengku Faekah Tengku Ariffin, ahli pengurusan IPIZ, wakil-wakil Profesor dan LZNK serta felo penyelidik IPIZ.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the

same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.